

CYBERSECURITY MALAYSIA (CSM) MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DALAM PERTANDINGAN KESELAMATAN SIBER ANTARABANGSA

Saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Pasukan Tindak Balas Keselamatan Komputer Malaysia (MyCERT) di bawah pengelolaan CyberSecurity Malaysia (CSM) telah mengharumkan nama negara apabila mereka muncul sebagai juara keseluruhan dalam pertandingan 'ASEAN Capture the Flag (CTF)' yang telah diadakan di Perth, Australia pada 25-27 Jun yang lalu.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada tiga ahli pasukan Malaysia yang iaitu Muhammad Hafiz bin Mat Tabrani, Fathi Kamil bin Mohad Zainuddin dan Muhammad Hafizuddin bin Sharul Lazion di atas kemenangan ini dan juga kepada CSM atas usaha berterusan dari segi latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang keselamatan siber.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Keselamatan Siber Australia (ACSC) ini direka bentuk mencabar para peserta menyelesaikan masalah-masalah keselamatan komputer dengan menjalankan analisis forensik sistem-sistem yang terjejas.

Saya dimaklumkan bahawa pertandingan ini telah mengumpulkan para professional tindak balas insiden atau *incident response* (IR) dari 10 buah negara di Asia Tenggara dengan tujuan memperkukuhkan pencegahan keselamatan siber serta keupayaan tindak balas dan kemahiran di rantau ini.

Acara ini juga membolehkan anggota tindak balas kejadian siber untuk mendapat pemahaman tentang ACSC dan peluang untuk membina rangkaian kerja antara anggota-anggota IR dari Australia dan negara-negara ASEAN. Cabaran yang dikemukakan kepada pasukan IR melibatkan analisis artifak dalam simulasi kejadian, di mana para peserta dikehendaki mencari penyelesaian (iaitu bendera) dalam cabaran-cabaran tersebut.

CSM telah membanggakan negara dengan membuktikan kepakarannya dalam bidang tindak balas kecemasan berkaitan dengan keselamatan siber seperti gangguan siber, *malware*, pencerobohan siber, percubaan godaman dan sebagainya.

Baru-baru ini, CSM telah diiktiraf oleh International Criminal Police Organisation (Interpol) dalam perangkaan Garis Panduan Interpol Global untuk Makmal Forensik Digital. Garis panduan ini adalah rangka kerja universal untuk menubuhkan dan menguruskan makmal forensik digital yang boleh digunakan di mana-mana di seluruh dunia.

Selain itu, garis panduan ini juga boleh digunakan untuk memproses maklumat digital. Ia bertujuan memberi sokongan bertaraf antarabangsa kepada 194 negara anggota Interpol dalam mengendalikan bahan bukti digital, menjalankan siasatan jenayah siber dan membolehkan pendakwaan kes-kes yang melibatkan beberapa negara.

Pengiktirafan terhadap keupayaan CSM ini menekankan bahawa kepakaran dan kemahiran yang ada di Malaysia merupakan antara yang paling maju di dunia. Saya berharap CSM akan terus mewujudkan persekitaran siber yang selamat demi kesejahteraan ekonomi negara kita.

GOBIND SINGH DEO

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

JULAI 3, 2019